

LAMPIRAN A

Keratan akhbar I, II, III.

Utusan 1/7/97.

Prestasi pelajar IPB masih boleh diperbaiki

Saudara Pengarang,

SAYA merupakan pelajar Institut Profesional Baicalmal (IPB) Kuala Lumpur, ingin menjawab keseluruhan isu mengenai prestasi pelajar IPB.

Ini juga merupakan surat balas kepada pembaca yang menamakan dirinya 'Pendidik Curiga' dan seorang bapa 'Pesara Kampung'.

Jika orang lain berasa resah dengan prestasi IPB, apatah lagi saya sebagai pelajar. Memang benar rata-rata pelajar IPB mendapat pangkat satu dalam SPM.

Walau bagaimanapun ia tidaklah menjadi jaminan bahawa diploma boleh berada dalam genggamannya.

Di sini saya hendak meluahkan rasa hati mengenai sikap sesetengah pelajar IPB dan pensyarah-pensyarahnya.

Bagi sesetengah pelajar baru, mereka terasa tertekan dengan persekitaran baru atau *culture-shock*. Rata-rata pelajar IPB adalah tidak berdisiplin, tidak bermotivasi, tidak profesional, tidak matang tetapi lebih cenderung untuk mencari pasangan hidup masing-masing.

Menjelang peperiksaan, ada segelintir pelajar yang suka belajar pada saat-saat akhir teta-

pi bagi pelajar *gifted*, ia tidak menjadi hal. Tetapi ia menjadi hal kepada pelajar yang suka bertfoya-foya.

Namun begitu, ada juga pelajar yang memang buat persediaan terlebih awal. Pelajar seperti ini, nasib akan menyecelahi mereka tetapi ada yang tidak.

Hubungan di antara pelajar dan pensyarah tidaklah begitu baik. Adakalanya sesetengah pensyarah memandang rendah akan kebolehan pelajar mereka sendiri.

Pada pendapat saya, walau bagaimanapun tingginya ilmu dan pengalaman seseorang pensyarah itu tetapi jika ia gagal disampaikan kepada pelajar-pelajar hanya disebabkan ketidakmesraan antara pelajar dan pensyarah, maka ilmu itu hanyalah sia-sia belaka.

Namun begitu, ada juga sesetengah pensyarah yang begitu berdedikasi dan mempunyai cara lain daripada lain untuk membarik semangat pelajar dan akhirnya lulus dalam peperiksaan. Terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah-pensyarah ini.

Baru-baru ini peperiksaan bagi Jun 1997 telah berlangsung. Terasa kekesalan yang amat sangat apabila saya dan pelajar-

pelajar lain tidak dapat mengambil kertas ulangan pada semester lepas hanya kerana pensyarah-pensyarah tersebut tidak percaya akan kebolehan kami.

Bukan salah kami kerana soalan-soalan pada semester lepas adalah yang *unpredictable* dan sukar untuk dijawab.

Manakala pada semester ini, soalan yang keluar, adalah yang amat senang dan saya berasa amat terkilan kerana tidak dapat menduduki kertas tersebut.

Di sini saya hendak bertanya bukankah menjadi hak pelajar, untuk mengulang apa-apa subjek pun? Tidakkah keterlaluan apabila pensyarah menghalang kami daripada mengulang subjek tersebut pada semester lalu?

Walau bagaimanapun, diharap kepada 'Pendidik Curiga' dan 'Pesara Kampung' tidak usahlah berasa terlalu bimbang.

Prestasi pelajar IPB adalah perkara kecil yang berada dalam peringkat yang boleh diperbaiki lagi.

Harap doakan pelajar IPB lulus cemerlang dan berjaya serta dapat mencurahkan bakti dan jasa kepada agama, bangsa dan negara. — TAQUE TAUZ, Petaling Jaya, Selangor.

Masalah pencapaian pelajar Baitulmal

Saudara Pengarang,
WUJUDNYA Institut Profesional Baitulmal, pada andaian saya, adalah sebagai usaha tambahan kerajaan, untuk memperluaskan lagi peluang anak-anak bumiputera memperoleh kelayakan dalam bidang profesional, khususnya yang dianugerahkan oleh badan-badan profesional di luar negara.

Justeru, bidang-bidang pengajian seperti ACCA (Association Of Certified Chartered Accountants), LCCI (London Chamber Of Commerce & Industry) ICSA (Institute Of Chartered Secretaries & Administrators) dan sebagainya adalah dikendalikan di institusi ini.

Sebagai seorang pendidik

saya mempunyai sebilangan bekas murid yang sedang mengikuti berbagai kursus di institusi ini, dan melalui mereka saya menerima maklum balas mengenai kemajuan pengajian mereka ataupun sebaliknya. Kebelakangan ini yang saya terima adalah keluhan, kegelisahan, bahkan kekecewaan mereka.

Sebagai golongan yang sudah matang dan amat prihatin tentang perkembangan pelajaran masing-masing maka maklumbalas yang bersifat negatif ini tidak boleh dipandang ringan, tetapi perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak berwajib.

Yang sangat mengecewakan mereka ialah bahawa setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan (kesemu-

nya adalah peperiksaan luar atau *external examinations*) secara purata pencapaian para pelajar amatlah lemah dan menghampakan.

Sebagai contoh, pengajian ICSA yang mana jumlah kertas atau subjek adalah 17 dan ini boleh diambil secara berkelompok sepanjang antara 3 hingga 5 tahun lazimnya, diambil oleh para pelajar sebanyak tiga atau empat kertas setiap kali peperiksaan, iaitu dua kali setahun. Purata pencapaian mereka dalam masa 2 tahun yang lalu adalah di antara tiga hingga lima kertas yang lulus, iaitu pada kadar 1 1/2 hingga 2 1/2 kertas lulus setahun - ini bererti, secara purata, seorang pelajar memerlukan antara tujuh hing-

Utusan Malaysia - 16/4/97

ga 11 tahun untuk menamatkan pengajian mereka. Akibatnya, sama ada mereka menghadapi risiko diberhentikan daripada berkursus dan didenda dengan terpaksa membayar balik pinjaman tanpa mencapai apa-apa tujuan, ataupun seandainya dibenarkan terus berkursus maka pembaziran masa pelajar yang ketara tidak lagi terelak.

Dengan menampilkan keputusan yang begitu menghampakan, tak dapat tidak beberapa pertanyaan atau isu wajar dan wajib dihadapkan kepada pihak yang bertanggungjawab!

Adakah para pensyarah atau tenaga pengajar yang terlibat benar-benar berkelelahan, berkeupayaan dan

berkomitmen yang total, atau sebaliknya - dan adakah setiap usaha dan ikhtiar dilakukan oleh mereka untuk memastikan kejayaan para pelajar yang dipertanggungjawabkan, kepada mereka?

Adakah para pelajar diberikan setiap kemudahan dan kesempatan bagi menghadapi cabaran yang pasti dihadapi, sama ada dari segi motivasi, pendedahan, budaya belajar dan sebagainya?

Dan seterusnya, adakah kepimpinan keseluruhan pusat pengajian ini setimpal dengan matlamat atau harapan dan cita-cita yang diidamkan oleh kita semua?

— PENDIDIK CURIGA.

Bapa hiba dengan pencapaian pelajar IPB

Utusan Malaysia
10/6/97

Saudara Pengarang,

PADA 14 April lalu dalam ruangan *Forum Utusan Malaysia*, seorang pembaca yang menamakan dirinya sebagai 'Pendidik Curiga' telah menegur pencapaian yang rendah di kalangan pelajar-pelajar kursus *Institute Chartered Secretaryship and Administrator* di Institut Professional Baitulmal (IPB) Kuala Lumpur.

Saya sebagai bapa kepada salah seorang pelajar di IPB sungguhlah rasa terkejut dengan kenyataan tersebut.

Saya juga telah difahamkan rata-rata pelajar jurusan tersebut adalah pemegang sijil SPM Pangkat satu. Sebelum melanjutkan pelajaran ke IPB pelajar-pelajar tersebut dikehendaki menduduki matrikulasi selama satu tahun di Institut Perdagangan Mara.

Satu ketika dahulu, pelajar yang berjaya melayakkan diri untuk mengambil kursus tersebut dihantar belajar ke United Kingdom.

Seperti dinyatakan oleh 'Pendidik Curiga', pencapaian pelajar-pelajar ini adalah terlalu rendah. Setiap semester mereka dikehendaki menduduki kertas peperiksaan yang didatangkan dari United Kingdom dengan perantaraan bahasa Inggeris.

Menamatkan

Betapa hibanya hati ibu bapa. Bayangkanlah seandainya anak kami menamatkan pelajaran selama lima tahun lamanya, tanpa menerima satu sijil atau diplomapun.

Lima tahun adalah satu jangka masa yang panjang. Peruntukan pinjaman Mara sebanyak RM40,000 adalah satu jumlah yang agak besar bagi orang kampung macam saya.

Persoalan yang timbul ialah benarkah anak kami itu lemah. Sejauh manakah pihak penaja iaitu Yayasan Pelajaran Mara membuat kajian terhadap masalah ini.

Saya harap anak saya tidak akan menjadi bahan percubaan - *trial and errors* dengan tujuan semata-mata untuk memberi nafas kepada IPT yang baru muncul.

Adalah terlalu malang kerana pelajar-pelajar berkenaan terpaksa dibebankan dengan pembaziran masa dan kos yang terlalu tinggi. — PESARA KAMPUNG, Johor.

SOALSELIDIK MASALAH-MASALAH PELAJAR DI INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL

Soalselidik ini adalah satu penyelidikan yang bertujuan untuk mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut di institusi ini dan ianya bukanlah satu ujian. Anda mungkin selalu menghadapi masalah-masalah tersebut atau anda mungkin kadang-kadang menghadapinya atau tidak langsung menghadapinya. Segala maklumat dan jawapan-jawapan yang diberikan akan dirahsiakan dan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja.

Arahan :

Jawab semua soalan yang disediakan dan tandakan ✓ pada petak yang anda pilih.

Jantina : (L/P)

Kursus :

Tandakan petak yang bersesuaian dengan pilihan anda

<u>Akademik (1 - 10)</u>	<u>Selalu menghadapi</u>	<u>Kadang₂ menghadapi</u>	<u>Tidak menghadapi</u>
1. Mempunyai keraguan dalam pemilihan kursus untuk persediaan pekerjaan saya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Kurang yakin kursus yang diambil dapat memberi kepuasan hati.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Dipaksa mengambil matapelajaran kursus yang tidak disukai.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Meragukan kemungkinan mendapat pekerjaan pilihan saya dalam masa akan datang.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Memerlukan nasihat mengenai apa yang harus saya buat selepas pengajian.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Memutuskan sama ada hendak menyambung pelajaran lebih tinggi atau tidak.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Masalah ketidakhadiran kelas.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Kesukaran memahami matapelajaran dengan memuaskan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9. Cara guru mengendalikan kelas membosankan dan tidak berkesan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10. Buku ₂ teks terlalu sukar difahami.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Peribadi (11 - 20)

	<u>Selalu menghadapi</u>	<u>Kadang2 menghadapi</u>	<u>Tidak menghadapi</u>
Tidak tahu menggunakan wang dengan bijak.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tidak mempunyai wang belanja yang cukup.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Musykil (ragu) terhadap beberapa soalan agama yang pernah saya dengar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kehadiran ke masjid yang tidak memuaskan .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kematian dalam keluarga mengganggu pemikiran.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tidak boleh melupakan kesalahan2 saya yang telah lalu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tekok berjumpa dan berkenalan dengan orang.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sukar melanjutkan sesuatu perbualan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tiada perkara menarik hendak dibuat di masa depan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Sosial (21 - 35)

	<u>Selalu menghadapi</u>	<u>Kadang2 menghadapi</u>	<u>Tidak menghadap</u>
22. Ibubapa tidak memahami saya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
21. Tidak bersefahaman dengan adik-beradik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
23. Menentang percakapan ibubapa saya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
24. Ibubapa berpendirian kolot ('old fashioned').	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
25. Ibu dan bapa sering berselisih faham	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
30. Sedikit peluang untuk keluar berseronok dengan rakan-rakan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
26. Sukar bergaul rapat dengan lain jantina.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
27. Jarang mengadakan pertemuan lain jantina.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
28. Mengasihi seseorang yang tidak cintakan saya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
29. Kecewa dalam percintaan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
31. Mempunyai masalah berselisih faham dengan rakan sebaya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
32. Sukar menerima teguran rakan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
33. Mudah terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
34. Mempunyai rasa irihati atas populariti rakan sebaya yang lain.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
35. Tidak mempunyai rakan karib yang Bersesuaian untuk berkongsi masalah, Pengalaman dan keseronokan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Kepada

Tan Sri Dato Hanafiah
Pengerusi
Institut Profesional Baitulmal
Kg. Pandan
Kuala Lumpur.

4 September 1998

**Per ; MEMOHON MENJALANKAN KAJIAN BAGI TUJUAN PENULISAN
THESIS**

Merujuk kepada perkara di atas, saya *Uzaimah Ahmad Nizam* dari bidang Psikologi Pendidikan ingin memohon kebenaran pihak Tan Sri untuk menjalankan kajian terperinci tentang masalah-masalah pelajar di Institut ini. Kajian saya ini dibuat bagi memenuhi keperluan kursus peringkat sarjana di Universiti Malaya.

2. Tajuk thesis yang saya kemukakan ialah :

**“An Investigation into the problem of the First Year Students taking the
Professional courses in the Institute Profesional of Baitulmal.**

3. Bersama-sama ini saya lampirkan surat pengesahan yang disediakan oleh fakulti Pendidikan bagi rujukan pihak Tan Sri.

Saya berharap permohonan saya ini mendapat kebenaran dari pihak Tan Sri.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,



UZAIMAH AHMAD NIZAM
MASTER : EDUCATIONAL PSYCHOLOGY
UNIVERSITY MALAYA.

Bersetuju
10/9/98.



**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA**

LEMBAH PANTAI
50603 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel: 03-7560022
Fax: 03-7565506
Telex: MA 39845

Faculty of Education, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

UM.P/ITD/241
28 Ogos 1998

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Dengan ini dimaklumkan bahawa **Uzaimah Ahmad Nizam**, No. K/P: A1991447 dan No Kad Matrik PPC96156 adalah pelajar Sarjana Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya mulai Sesi 1996/97.

Beliau sedang menjalani penyelidikan dalam bidang **PSIKOLOGI PENDIDIKAN** dan memerlukan maklumat penyelidikan yang boleh didapati dari Sekolah/ Pejabat/ Institusi/ Universiti Tempatan/ EPRD/ Pusat Perkembangan Kurikulum/ Institut Aminuddin Baki (IAB)/ Bahagian Pendidikan Guru/ Bahagian Teknologi Pendidikan/ Jabatan Pendidikan Sabah/Perpustakaan/ Perpustakaan Negeri/ Majlis Sukan Negara dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Oleh itu sukacita dapat tuan/puan memberi kerjasama kepada beliau. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Maimunah Mohd. Din
Penolong Pendaftar (Ijazah Tinggi & Diploma)
Fakulti Pendidikan

/ZA
DiskAm2:Psahan